

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 July 2015

# Najib bidas media sosial

Um - 14/7/2015

Oleh **KAMIL MASLIH**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 JULAI**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak mengancam tindakan pengguna-pengguna media sosial yang menggunakan isu pergaduhan di Plaza Low Yat untuk menyebarkan maklumat palsu dan mencetuskan ketegangan antara kaum.

Menurut Perdana Menteri, insiden di Plaza Low Yat itu merupakan perbuatan jenayah dan tidak boleh dianggap sebagai masalah antara kaum di negara ini.

“Tindakan ini tidak bertang-

gungjawab kerana menggunakan media sosial untuk menghangatkan keadaan dan beri perspektif tidak tepat tentang apa yang sebenarnya berlaku. Malah, ada yang memuat naik gambar yang langsung tiada kaitan dengan kejadian tersebut.

“Saya ingin menyaran semua pihak supaya tidak menerima sepenuhnya apa yang tersebar menerusi media sosial, sebaik-baiknya bertenang dan serahkan kepada pihak berkuasa sebab pihak polis ada kemampuan menjaga ketenteraman awam dan memastikan keadilan dapat ditentukan dalam kes ini,” katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan bantu-

an kepada golongan gelandangan di Pusat Khidmat Sementara Gelandangan, Lorong Medan Tuanku 2, Jalan Sultan Ismail di sini hari ini.

Plaza Low Yat gempar dengan situasi tegang semalam apabila dua kumpulan pemuda bertindak merusuh dan dianggarkan lebih 200 orang tidak mengendahkan nasihat polis yang berkawal di situ agar bersurai sebelum bertindak ganas.

Sebanyak 17 individu ditahan bagi membantu siasatan termasuk seorang peniaga dan seorang individu yang dipercayai terlibat dalam kes kecurian telefon bimbit.

Menurut Najib, beliau telah menyerahkan kepada pihak polis un-

tuk melakukan siasatan rapi dan mengambil tindakan berkesan bagi membendung kejadian yang berlaku di pusat beli-belah tersebut.

“Perkara ini kelazimannya dilihat dari sudut perspektif kaum, satu perbuatan jenayah akhirnya dijadikan satu pertimbangan berunsur perkauman, perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku dalam negara kita,” katanya.

Katanya lagi, orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mempunyai sikap merusuh kerana perhimpunan dilakukan tanpa mengetahui fakta sebenar serta terlalu mudah mempercayai maklumat palsu dalam media sosial.

Tambahnya, kajian mendalam juga perlu dilakukan terhadap kebebasan tanpa had dalam media sosial yang mengakibatkan pelbagai kesan negatif kepada masyarakat.

Terdahulu, Najib melapangkan masa untuk menyampaikan bantuan kepada 300 orang golongan gelandangan merangkumi sumbangan wang ringgit, kain pelikat, kain batik dan barang makanan.

Yang turut hadir dalam Program Nur Ramadan anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.